



**MEMO**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN**

**Kepada** : Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Maklumat

**Daripada** : Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perolehan Dan Penswastaaan

**Salinan** : TSUB (P)  
TSUB (DP)  
KPSUK (ICT&PL)

**Rujukan Fail** : KKM.400-10/3/208 Jld.17 ( )

**Tarikh** : Oktober 2024

**Perkara** : **IKLAN TAWARAN TENDER UNTUK DIMUATKAN DALAM  
PORTAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan Kenyataan Iklan untuk dimuatkan dalam laman web Kementerian pada **21 Oktober 2024 (Isnin)**.
3. Kerjasama puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**(DATUK MOHD FAUZEE BIN ABD. MAJID)**

☎ 03-88832991

✉ [mohd\\_fauzee@moh.gov.my](mailto:mohd_fauzee@moh.gov.my)



SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kod bidang 210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106 dan 210107 untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
1.	<p>Tender Perkhidmatan Sokongan Teknikal Dan Penyelenggaraan Bagi Perkakasan, Perisian Dan Peralatan Rangkaian Untuk Sistem Pengurusan Pesakit Dalam (SPPD) Di Empat (4) Buah Hospital, Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Kontrak 36 Bulan</p> <p><b>No. Tender : QT24000000028718</b></p>	156/2024	<p>Tarikh : 24 Oktober 2024 (Khamis) Masa : 10.00 pagi</p> <p><u>Secara atas talian</u></p> <p>Melalui pautan <i>Google Meet</i> seperti berikut: <a href="https://meet.google.com/skf-httt-dpz">https://meet.google.com/skf-httt-dpz</a></p> <p>Pautan Pengesahan Kehadiran: <a href="https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfn7QwVyBghbRyJDvNbm3MIsJiWd9eqnF5yf1E7JwslQAVFww/viewform?vc=0&amp;c=0&amp;w=1&amp;flr=0">https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfn7QwVyBghbRyJDvNbm3MIsJiWd9eqnF5yf1E7JwslQAVFww/viewform?vc=0&amp;c=0&amp;w=1&amp;flr=0</a></p>	<p>1) Petender yang berminat <b>DIWAJIBKAN</b> hadir ke sesi taklimat dan lawatan tapak yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Petender hendaklah memuat naik Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada) pada link Pengesahan Kehadiran yang disediakan sebelum sesi taklimat berkenaan.</p> <p>2) Syarat menghadiri taklimat/lawatan tapak: Hanya <b>PENAMA</b> di dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) <b>SAHAJA</b> yang boleh hadir ke sesi taklimat/lawatan tapak. <b>PENAMA</b> wajib membuat pengesahan kehadiran dan muatnaik dokumen pada pautan di atas bagi mengesahkan</p>	Secara ePerolehan

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
				kehadiran di sesi taklimat tender.  3) Tawaran petender dibenarkan dalam Bahasa Melayu (BM) sahaja.	
<p>* PERHATIAN: SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG <u>TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN</u></p>					

**Telecenter:**

**Bahagian Perolehan dan Penswastan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **21 Oktober 2024 (Isnin)** dengan melayari [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my).

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **14 November 2024 (Khamis), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel / katalog / risalah sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan selaras dengan PP/PK 2.2 perenggan 26.

Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Perolehan bagi tender ini tidak tertakluk dengan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

**Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia**